

TEMA 3 URUSAN DI KAUNTER

Situasi 3.3 Urusan di kaunter kedai makan

Latar tempat : Di kaunter kedai makan

Juruwang : Selamat petang, encik.

Azman : Selamat petang.

Juruwang : Ya, encik hendak makan di sini atau bungkus?

Azman : Bungkus.

Juruwang : Baiklah. Encik hendak memesan apa?

Azman : Saya hendak memesan dua ketul ayam goreng, satu gelas air sirap, dan satu bungkus nasi putih.

Juruwang : Baiklah. Ada apa-apa lagi yang encik ingin tambah?

Azman : Tidak ada. Itu sahaja.

Juruwang : Jumlah semuanya RM11.00.

Azman : Ini wangnya.

Juruwang : Ini resitnya. Encik boleh ambil makanan di sana.

Azman : Baiklah.

Jurukaunter : Nombor 30.

Azman : Saya, encik.

Jurukaunter : Ini makanan encik. Terima kasih dan sila datang lagi.

Azman : Sama-sama.